



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA DENGAN ENCIK HASHIM MUSTAPHA
MENGENAI PENGLIBATAN, PENGALAMAN, DAN SUMBANGAN
BELIAU DALAM ARENA SUKAN BOLA SEPAK NEGERI DAN NEGARA**

MOHD ZULKAISYAM BIN ZULKEPLI

2010921187

MUHAMMAD ZAFUAN BIN NOR ZAIRI

2010967681

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SEGAMAT
JOHOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MALAYSIA
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 603: SEJARAH LISAN**

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
PENGENALAN	1
TRANSKRIP TEMUBUAL	8
LOG TEMUBUAL	56
BIODATA TOKOH	69
SENARAI SOALAN TEMURAMAH	71
GAMBAR-GAMBAR	79
LAMPIRAN	
INDEKS	
BIBILOIGRAFI	

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur kami kehadiran Ilahi kerana dengan limpah berkat dan kurnia-Nya dapatlah kami menyempurnakan tugas sejarah lisan yang diberikan kepada kami. Sukan bola sepak merupakan salah satu sukan yang agak popular dikalangan rakyat Malaysia dan luar negara. Sukan ini diminati oleh pelbagai golongan masyarakat tidak kira tua atau muda. Oleh yang sedemikian, kami merasakan sungguh bertuah kerana diberi peluang untuk menjalankan kerja pengkisahan sejarah lisan ini bersama tokoh atau ikon bola sepak tanah air yang tidak kurang hebat pada zaman kegemilangan beliau. Beliau yang dimaksudkan adalah Encik Hashim Mustapha.

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Hashim Mustapha kerana memberikan kerjasama yang baik sepanjang sesi temuramah dijalankan. Selain itu kami ingin merakam ribuan terima kasih kepada pensyarah kesayangan kami iaitu Pn.Azura bt Abdul Jamil@Kamarudzzaman kerana sabar memberi tunjuk ajar serta panduan kepada kami bagi menyiapkan tugas yang diberikan. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu kami dari mula hingga terhasil transkrip temubual ini.

Akhir kata, semoga transkrip temubual ini dapat memberikan manfaat dan ilmu kepada generasi yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Mohd Zulkaisyam Bin Zulkepli

Muhammad Zafuan Bin Nor Zairi

ABSTRAK

Abstrak : *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Hashim Mustapha mengenai penglibatan dan pengalaman dan sumbangan beliau sebagai seorang bekas pemain bola sepak kelantan dan negara.*

Transkrip temubual ini dijalankan di rumah beliau di kampung Baung Bayam, Kota Bharu, Kelantan pada 25 April 2012. Temubual bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada 1.30 petang. Beliau merupakan seorang bekas pemain bola sepak yang berkaliber dan disegani sewaktu di zaman kegemilangan beliau.

Kata kunci: *Encik Hashim Mustapha , Bola Sepak.*

A. PEMILIHAN SUBJEK

Pada awalnya agak sukar untuk memilih subjek untuk dijadikan fokus utama dalam projek sejarah lisan ini memandangkan Encik Hashim Mustapha mempunyai banyak pengalaman menarik semasa beliau menjadi pemain bola sepak Kelantan dan kebangsaan. Namun begitu, setelah berbincang dan membuat penilaian yang mendalam subjek yang dipilih adalah berkaitan dengan penglibatan, pengalaman dan sumbangan beliau dalam arena sukan bola sepak tanah air. Ini adalah kerana masih banyak lagi pengalaman dan sumbangan beliau yang masih belum diketahui umum dalam meningkatkan mutu arena sukan bolasepak di Malaysia. Selain daripada itu subjek yang dipilih adalah dipetik daripada pengalaman sebenar beliau sebagai seorang bekas pemain bola sepak skuad Kelantan dan kebangsaan. Dengan ini menguatkan lagi keputusan yang dibuat untuk memilih subjek dalam sejarah lisan ini.

B. PEMILIHAN TOKOH

Tokoh yang dipilih untuk menjayakan projek sejarah lisan ini adalah Encik Hashim Mustapha. Beliau merupakan seorang bekas pemain bola sepak Kelantan dan kebangsaan yang mempunyai banyak pengalaman yang masih belum diketahui umum. Beliau kini telah bersara dari arena bola sepak dan kini bergelar jurulatih skuad presiden Kelantan. Walaubagaimanapun, salah satu faktor kepada pemilihan tokoh ini adalah kerana memandangkan kedudukan beliau yang tidak begitu jauh dari kami serta kekaguman kami terhadap kehebatan beliau semasa era 1980-an hingga 90-an.